

19/07/2001

Kongres mahu selesai masalah keciciran pelajar Melayu

KUALA LUMPUR, Rabu - Kongres Pendidikan Melayu pertama yang dijadualkan awal September depan, diharap berupaya mengupas dan memberi cadangan proaktif bagi menyelesaikan masalah keciciran pelajar Melayu pada semua peringkat pendidikan.

Keciciran mereka terutama kalangan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memberi kesan besar terhadap masalah pengangguran dan pekerja mahir dalam industri pembuatan negara.

Naib Pengerusi kongres itu, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, yang juga pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim berkata, masalah itu timbul kerana sikap pelajar Melayu yang tidak berminat mengikuti program kemahiran vokasional dan teknikal.

"Sama ada mereka tidak memohon atau tidak berminat untuk mengikuti latihan atau kursus kemahiran ini menyebabkan wujud kekosongan dari segi pekerja mahir dalam industri pembuatan tempatan sedangkan ia banyak memberi peluang pekerjaan yang lumayan.

"Melalui wacana dan pembentangan kertas kerja dalam kongres itu kelak diharap segala isu keciciran pelajar Melayu dalam semua bidang akan diselesaikan bersama," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Kongres Pendidikan Melayu adalah hasil idea sekumpulan tokoh Melayu yang prihatin terhadap pencapaian akademik pelajar Melayu, akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 1 dan 2 September depan.

Pengerusi kongres, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata rumusan pada akhir kongres akan menjadi garis panduan merangka cadangan kepada Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar Melayu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan kongres itu yang dianjurkan bersama Kongres Guru-guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin.

Abdul Rahman berkata, merumitkan lagi keadaan, hanya agensi kerajaan seperti Mara benar-benar serius melaksanakan program kemahiran sedangkan pihak swasta tidak banyak menyumbang.

"Sebab itu dalam kongres ini, perlu ada perbincangan daripada kalangan tokoh pendidikan, profesional dan teknokrat Melayu yang dapat mencari penyelesaian kepada masalah itu," katanya.

Enam kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh akademik, termasuk Ketua Pengarah Mara, Datuk Mydin Mohd Sheriff; Pensyarah Universiti Tun Razak (UNITAR), Datuk Prof Ibrahim Bajunid dan Dr Ismail Salleh.

Tiga lagi kertas kerja akan dibentangkan Prof Syed Othman Alhabshi, Uthman El Muhammadi dan Dr Zainuddin Jaafar serta Datuk Isahak Haron.

Lebih 2,000 peserta di kalangan profesional, ahli akademik, badan bukan kerajaan dan pelajar Melayu dijangka menyertai kongres itu.

(END)